

(1979)

Falsafah

PENDIDIKAN
KEBANGSAAN



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Pemikiran
dan Kepimpinan
Melayu

INGAT-
INGAT
LUPA #03

Sekepal menjadi gunung,
setitik menjadi laut „„



(1979) *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK) lahir melalui suatu proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan negara dan bangsa semenjak merdeka lagi. Idea penggubalan FPK telah dicetus selepas penerbitan laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. FPK yang dahulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara telah digubal berlandaskan tiga ideologi iaitu, Rukun Negara, Dasar Ekonomi

FPK digubal oleh pakar-pakar pendidikan secara teliti untuk keperluan individu, masyarakat dan negara //

Baru (RMK 3, 1976-1980) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan (1999). FPK digubal oleh pakar-pakar pendidikan secara teliti dengan mengambil berat keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara.



MATLAMAT PENDIDIKAN NEGARA

Matlamat Pendidikan Negara pula bertujuan untuk menjelaskan secara rasional amalan-amalan pendidikan terkini serta membimbing tindakan dan tren pendidikan masa depan. Kesinambungan falsafah dan matlamat ini dapat melahirkan insan yang baik dan sempurna supaya menjadi warganegara Malaysia yang berguna. Dengan perkataan lain, Matlamat Pendidikan Negara memupuk rakyat Malaysia menghayati ciri-ciri berikut: Percaya dan patuh kepada Tuhan; Berilmu pengetahuan; Berakhlak mulia; Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara;

- ① Percaya dan patuh kepada Tuhan**
- ② Berilmu Pengetahuan**
- ③ Berakhlak Mulia**
- ④ Bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara**
- ⑤ Memiliki sahsiah seimbang dan bersepadu**
- ⑥ Memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum**

diri, masyarakat, agama dan negara; memiliki sahsiah yang seimbang dan bersepadu; dan memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.